

BAB 5

PERMASALAHAN DALAM MASYARAKAT TAIWAN

5.1 KRISIS IDENTITI EKORAN KEMPEN MELINDUNGI KEPULAUAN DIAOYU

Masyarakat Taiwan yang mengalami perubahan mendadak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial-budaya pada tahun 1970an turut memberi pengaruh yang besar dalam bidang kesusasteraannya. Jika diukur dari aspek sejarah, perkembangan sastera sesebuah negara adalah sejajar dengan perubahan struktur masyarakat itu. Hal ini terbukti pemikiran Modernisme yang meresap ke dalam kesusasteraan Taiwan pada tahun 1960an adalah seiring dengan sokongan Amerika Syarikat yang sepenuh ke atas Taiwan pada masa itu, khususnya dalam bidang politik dan ekonomi. Pada tahun 1970an, masyarakat Taiwan mengalami perubahan yang besar. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja telah

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan mempengaruhi rangka pemikiran para sasterawan Taiwan, bahkan pembentukan ideologi dan identiti negara di sebalik penulisan mereka turut dicabar.

Beberapa isu antarabangsa yang penting pada masa itu telah memberi pengaruh yang amat besar terhadap rangka politik dan ekonomi Taiwan. Pertama, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu (kepulauan Okinawa) diadakan untuk menuntut hak ke atas Kepulauan Diaoyu pada tahun 1972. Kedua, Guomindang di Taiwan yang merupakan perwakilan bangsa Cina dalam Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu sebelum ini diserahkan kepada tanah besar China pada tahun 1971. Ketiga, pemutusan hubungan diplomatik Taiwan dengan Jepun telah menyebabkan Richard Nixon, presiden Amerika Syarikat menempatkan perwakilan Amerika Syarikat di Beijing. Akhirnya tercetusnya kontroversi Sastera Tanah Air yang membawa tumparan hebat kepada bidang kesusasteraan, politik dan ekonomi pada tahun 1977. Peristiwa-peristiwa tersebut walaupun berkait rapat dengan perubahan politik Taiwan, namun tidak banyak menggugat ekonomi masyarakatnya. Padahalnya, isu-isu ini telah mencetuskan kesedaran orang-orang Taiwan dalam mempertimbangkan persoalan ideologi mereka. Ini terbukti dalam bidang kesusasteraan Taiwan pada tahun 1970an yang amat menekankan penilaian semula semangat nasionalisme orang-orang Taiwan berikutnya “keruntuhan struktur Perang Dingin dan struktur Kecinaan”.¹

¹ “Zaman Perang Dingin” di sini merujuk kepada tempoh penentangan antara Amerika Syarikat dan Rusia dalam Perang Dunia Kedua. Ketika itu, kedua-dua negara ini memperalatkan Negara-negara Ketiga sebagai tanah jajahan mereka untuk mencapai tujuan politik masing-masing. Sementara itu, “struktur Kecinaan” adalah kekuasaan mutlak yang didirikan oleh Guomindang sebagai “wakil tanah besar China” di Taiwan untuk meluaskan pengaruh politiknya ke atas masyarakat Taiwan. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat memberi sokongan sepenuh kepada kekuasaan Guomindang di pentas antarabangsa memandangkan kepentingan politik Amerika Syarikat sendiri. Namun demikian, struktur Perang Dingin ini runtuh sama sekali akibat daripada perundingan semeja antara kedua-dua negara ini. Dalam pada itu, struktur Kecinaan yang diidam-idamkan masyarakat Taiwan akhirnya menjadi kekosongan juga (Chen Fangming, 1994: 224-225).

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

Dalam awal tempoh 10 tahun Zhang Xiguo di Amerika Syarikat, beliau telah menerbitkan tiga buah novel, yakni *Kemarahan Masa Silam* (*Zuori zhi Nu*, 1978), *Sungai Kuning* (*Huanghe zhi Shui*, 1979) dan *Raja Catur* (*Qiwang*, 1979) menjelang akhir tahun 1970an. Ketiga-tiga novel ini padahalnya memperlihatkan suatu persoalan penting yang ditinjau Zhang Xiguo selama ini, yakni “identiti” orang Taiwan. Bahagian ini terlebih dahulu memberi interpretasi kepada novel *Kemarahan Masa Silam*, sebuah penulisan yang membolehkan pembaca-pembacanya mengimbas kembali detik-detik kempen melindungi Kepulauan Diaoyu yang merebak di kalangan penuntut Taiwan di Amerika Syarikat pada tahun 1972. Usaha Zhang Xiguo dalam menempatkan semula identiti orang Taiwan terutamanya kedudukan mereka di seberang laut terserah dalam karya ini. Tindakan beliau yang sentiasa mendampingi diri dengan bangsanya telah menyerlahkan kesungguhan seorang intelektual dalam mengejar ilmu pengetahuan (William Safran, 1991: 87). Justeru, bahagian ini akan mengenalpasti dan meneliti proses penilaian semula identiti di kalangan penghijrah Taiwan yang berada di Amerika Syarikat berpandukan perkembangan kempen melindungi Kepulauan Diaoyu.

Padahalnya, novel *kemarahan Masa Silam* dengan 200 ribu patah perkataan telah mencatatkan sebuah kempen politik yang disokong oleh pemuda-pemudi Cina di seberang laut pada akhir tahun 1970an (1991a: 300). Liu Shaoming pernah menjelaskan bahawa novel ini telah meminjam corak penulisan yang dihulur oleh John Hollowell, yakni “new journalism” atau “non fiction novel” untuk menerangkan struktur dan ciri-ciri penulisan yang berunsurkan

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

realiti sejarah² (1992: 192). Melalui watak Chen Zhexiong, Zhang Xiguo mendedahkan nasib beberapa orang intelektual yang melibatkan diri dalam perkembangan kempen politik ini di Amerika Syarikat. Pembaca hari ini bukan sahaja diberikan peluang untuk mengimbas kembali proses perkembangan kempen tersebut, malah dapat merasai pergelutan batin dan tekanan mental yang dialami oleh golongan intelek ini. Novel ini menceritakan kehidupan segolongan pemuda dari Taiwan ke Amerika Syarikat. Wang Ya'nan yang mengidam-idamkan kehidupan di Amerika Syarakat sudi berkahwin dengan Hong Xianzu, seorang peniaga yang menjalankan peniagaannya di Amerika Syarikat. Setiba di Amerika Syarikat, Wang Ya'nan mendapati Hong Xianzu ialah seorang yang mementingkan diri dalam mencapai segala matlamat dan kekayaannya. Oleh itu, Wang mengambil keputusan meninggalkan Hong dan menceburkan diri dalam kempen melindungi Kepulauan Diaoyu di bawah pengaruh Ge Rixin, seorang penuntut dari Taiwan yang agak agresif dalam perjuangan kepentingan negara dan bangsa. Ge Rixin ialah seorang sarjana kimia yang berpendirian tegas terhadap prinsip hidupnya. Dia menyumbang sepenuh tenaganya terhadap kempen melindungi Kepulauan Diaoyu dengan hati yang tabah dan gigih sekali. Bagi Wang Ya'nan, Ge Rixin merupakan seorang pemuda yang ghairah mengejar segala kesempurnaan sama ada dari segi mentah mahupun fizikal. Tambahan pula, Ge Rixin merupakan seorang pejuang bangsa yang tidak meminta balasan mahupun kekuasaan ataupun kenamaan.

² Ciri-ciri penulisan novel *Kemarahan Masa Silam* yang memetik peristiwa sejarah, yakni kempen melindungi Kepulauan Diaoyu dalam perkembangan plotnya adalah suatu gabungan penulisan fiksyen dengan realiti sejarah. Penulisan tersebut berjaya mengelakkkan kelemahan imaginasi penulis (John Hollowell, 1977).

Sesungguhnya, perjalanan plot, pelukisan citra-citra yang mendalam, aturan dialog yang ringkas lagi padat, dan pembahagian penulisan sejarah dan fiksyen yang serata dalam novel *Kemarahan Masa Silam* berjaya menyerlahkan kesungguhan Zhang Xiguo pada tahap ini. Lantaran, novel tersebut tidak seharusnya dijelaskan sebagai karya sasteranya yang paling teruk walaupun tema penulisan pada tahap ini masih dibelenggu dalam “*dao*” (Long, 1985b: 51-62).³ Karya ini sekali lagi kelihatan ikhtiar golongan intelek dalam mencari suatu keseimbangan antara persoalan-persoalan seperti “pemergian” dengan “pengembalian”, “negara China” dengan “Taiwan” dan “Guomindang” dengan “Komunis” berpandukan kekuatan pendirian mereka dalam kempen melindungi Kepulauan Diaoyu yang merebak pada masa itu.

Pada dasarnya, karya ini memaparkan dilema dan pergolutan batin serta tekanan mentah orang Taiwan terutamanya di kalangan intelek tentang persoalan identiti. Dalam hal ini, “ikatan kecinaan” yang menunjukkan semangat nasionalisme orang Taiwan yang mendalam terserlah dalam karya ini. Sebagaimana yang dikatakan oleh Zhang Xiguo sendiri, “Novel *Kemarahan Masa Silam* mencatatkan segala perubahan yang kualami dalam kempen melindungi Kepulauan Diaoyu selama beberapa tahun ini dengan jujur sekali.” (1991a: 299) Yang menghairankan, Zhang Xiguo meminta pembacanya agar tidak menganggap

³ Kritikan Long Yingtai di atas sememangnya keterlaluan dan dianggap tidak adil kepada Zhang Xiguo. Tema penulisan yang mementingkan “*dao*” terbayang hampir seluruh karva fiksyen dan novel Zhang Xiguo. “Batasan” ini seakan-akan suatu kesinambungan dalam Sastera China Modern. “*Dao*” yang dieritkan di sini merujuk kepada corak penulisan yang menekankan kepentingan masyarakat dan isu negara dalam perkembangan masa. Dalam hal ini, Zhang Xiguo mengakui bahawa nasionalisme yang terpaku dalam sanubarinya selama ini memberi pengaruh yang besar kepadanya. Long Yingtai menggolongkan novel *Kemarahan Masa Silam* sebagai karya fiksyennya yang paling teruk dibabarkan kecenderungan Zhang Xiguo dalam “*dao*” ini. Pada hakikatnya, kritikan ini telah mengabaikan motif dan seni penulisan Zhang Xiguo yang berdasarkan perkembangan masyarakat Taiwan

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan novel tersebut sebagai sebuah penulisan karya sastera. Katanya, "Novel *Kemarahan Masa Silam* hanya merupakan catatanku yang ditujukan kepada kempen politik di kalangan pemuda-pemudi Cina. Oleh itu, karya ini tidak kelihatan nilai keseniannya..." (1991a: 300) Nyatalah, kecenderungan Zhang Xiguo dalam meninjau kedudukan identiti bangsa Cina telah mengakibatkan beliau mengorbankan nilai-nilai estetika dalam persembahan seni sasteranya.

Kempen melindungi Kepulauan Diaoyu dalam sejarah hanya lima tahun berlalu ketika novel ini diterbitkan. Dalam ingatan yang masih segar lagi, Zhang Xiguo tidak tertunggu untuk mengatur nasib golongan intelek yang merupakan saksi-saksi dalam sejarah ini. Jika kita mengimbas kembali tahap awal penulisan Zhang Xiguo, karya-karya fiksyen "Upacara Berkhatan" dan "Budak Merah" telah menunjukkan persepsinya terhadap peristiwa sejarah ini sejak awal-awal lagi. Sebagaimana yang dikatakan oleh Liu Shaoming, "Sanubari Zhang Xiguo benar-benar terbukti sebuah ikatan yang berasaskan kempen melindungi Kepulauan Diaoyu selama beberapa tahun ini. Justeru, karya fiksyen 'Budak Merah' dan novel *Kemarahan Masa Silam* merupakan seni persembahan yang dimainkan oleh Zhang Xiguo untuk 'exercise' ikatan ini secara rasional." (1978: 8) Persoalannya, bagaimana kempen melindungi Kepulauan Diaoyu ini benar-benar berjaya menggembungkan tenaga permastaudin-permastaudin atau perantau-perantau Cina terutamanya daripada lapisan intelektual yang bertaburan di seluruh pelosok Amerika Syarikat dalam mencapai permuafakatan antara mereka?

Sepintas lalu kita singkap sejenak punca kebangkitan kempen melindungi Kepulauan Diaoyu dalam sejarah. Pada 9hb April tahun 1971, suatu

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan permuaafakatan dicapai antara Presiden Richard Nixon dengan Sato Eisaku, perdana menteri Jepun ketika Amerika Syarikat bersetuju menyerahkan gugusan pulau di Barat Selatan di Taiwan, yakni Kepulauan Diaoyu ke tangan Jepun pada tahun 1972. Penyerahan kepulauan ini terus membangkitkan soal hak penguasaan ke atas Kepulauan Diaoyu beasaskan kepentingan lombong minyak di rantau ini. Tambahan pula, kedudukan Taiwan yang agak menggelirukan di kaca mata dunia pada masa itu menyemarakkan lagi isu tersebut. Akhirnya, perarakan diadakan di kalangan beribu-ribu mahasiswa Universiti Taipei sehari sebelum tandatangan tersebut diturunkan oleh kedua-dua pihak. Yang lebih menggemparkan lagi, para penuntut Taiwan dari seluruh pelosok Amerika Syarikat berkumpul bersama untuk menyertai kempen dan perarakan tersebut secara beramai-ramai sehingga membawa puncak genting bagi peristiwa melindungi Kepulauan Diaoyu pada tahun 1972.

Pada masa itu, Zhang Xiguo yang berada di Universiti California turut melibatkan diri dalam kempen tersebut. Hampir keseluruhan watak dan perwatakan yang dilukis beliau dalam novel ini adalah diperoleh ilham daripada kempen ini. Misalan, Ge Rixin yang merupakan mangsa utama dalam kempen ini diwujudkan semata-mata untuk menyempurnakan perkembangan plot karya ini. Ge Rixin tidak rela pulang ke Taiwan setelah tamat pengajiannya di Amerika Syarikat. Menurut beliau, “Ini mungkin disebabkan aku terlalu ambil berat Taiwan, maka aku tidak sanggup pulang ke situ...perasaan itu menjadi rumit jika kamu benar-benar sayang akan sesuatu. Kadang-kadang akan benci terhadapnya pula.” (1991a: 51) Dalam perjuangan untuk bangsa sendiri, Ge Rixin bukan sahaja tidak berputus asa terhadap kelemahan penuntut-penuntut Taiwan dalam

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

isu-isu politik, malah beliau tidak jemu mencetak majalah-majalah, menayangkan dokumentari untuk memperkenalkan kempen kebangsaan, misalnya Gerakan 4 Mei dan memberi syarahan untuk membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap perjuangan bangsa. Perwatakan Ge Rixin di atas memperlihatkan kemurnian seorang intelektual yang mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan sendirinya. Imej yang ditunjukkan kepada intelektual inilah yang diharapkan oleh Zhang Xiguo sebenarnya. Justeru, watak-watak yang dilukis oleh Zhang Xiguo pada tahap ini bukan lagi penghijrah-penghijrah di Taiwan yang dibelenggu dalam nostalgia seperti dalam karya-karya Yu Lihua dan Bai Xianyong, sebaliknya mereka kini ialah segolongan intelek yang benar-benar prihatin terhadap tempat perlindungan mereka. Malangnya, Ge Rixin akhirnya dituduh melibatkan diri dalam kegiatan Komunis. Bertanya Ge Rixin pada dirinya, “Adakah generasi kami dah putus asa? Tidak dapatkah kami buat apa-apa dan hanya merantau sahaja di luar negara sepanjang hayat ini? Aku tidak percaya! Jika kami diberikan peluang buat sumbangan kepada negara, nescaya generasi kami bukan insan yang tiada rasa!” (1991a: 109) Nyatalah, usaha Zhang Xiguo dalam mempertimbangkan masa depan golongan intelek Cina ternyata telah membawa suatu peningkatan yang memberangsangkan kepada bidang Sastera Penuntut Seberang Laut pada masa itu.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Zhang Xiguo sendiri, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu adalah satu-satunya kempen politik yang benar-benar menyentuh hati setiap bangsa Cina di seberang laut pada masa itu (1991a: 163-164). Jika kita meneliti tempoh penulisan antara koleksi karya fiksyen *Tanah* dengan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*, pergelutan yang dialami oleh

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan penghijrah-penghijrah Cina dan golongan intelek yang berada di Amerika Syarikat sememangnya tidak kehabisan. Walau bagaimanapun, kesudahan yang tragis itu nampaknya terpaksa tertangguh ke saat terakhir sehingga lahirnya novel *Kemarahan Masa Silam*. Pada masa inilah, Zhang Xiguo dikatakan lebih berupaya untuk menempatkan perasaan rindunya terhadap tanah air. Dalam pada itu, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu seakan-akan satu saluran yang mustahak untuk beliau mengimbangkan dirinya antara nostalgia yang diwarisi dari generasi tua dengan semangat nasionalisme yang bertapak di Taiwan. Liu Zaifu dalam artikel yang berjudul “Sastera yang Mengasingkan Diri daripada Negaranya” (Wenxue dui Guojia de Fangzhu) pernah memperluas kandungan diaspora dalaman yang diutarakan oleh Li Oufan kepada pendekatan “mengasingkan diri daripada negara” (exiling the state) yang lebih bererti dan optimis. Menurut beliau:

Tindakan mengasingkan diri daripada negara mempunyai kebebasan yang positif. Dalam hal ini, “penulis” dapat menggantikan kedudukan “negara” yang merupakan objek utama dalam situasi yang bebas. Dengan kata lain, negara yang sentiasa mengasingkan penulisnya kini dapat “disingkirkan” oleh penulis dalam hal ini. Lantaran, penulis memperoleh haknya untuk “menguasai” negara dan mengatasi batasan negara-bangsa yang membelenggunya selama ini (1984: 284).

Di sini, jelas kelihatan kepentingan “penulis” telah mengatasi kedudukan “negara” yang didiami. Penilaian semula antara hubungan penulis dengan negara menjadi suatu perkara yang penting “terutamanya ketika penulis menganggap dirinya sebagai seorang ‘penyelamat budaya’ dan ‘peneroka jiwa insan’. Dalam hal ini, pengakuan yang diberi oleh penulis kepada negaranya adalah berasaskan budaya bagi bangsa itu tetapi bukan lagi berasaskan kekuasaan negara itu.” (Li

Oufan, 1984: 285) Justeru, strategi penulisan Zhang Xiguo yang berteraskan negara-bangsa semata-mata ternyata beliau seorang penulis yang prihatin terhadap kejiwaan bangsa Cina secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, kesungguhan watak-watak dalam mendasari peranan sendiri dan menentukan kedudukan individu dalam negara masih tidak kelihatan kematangannya. Kekecewaan Ge Rixin mahupun Zhang Xiguo bukan sahaja disebabkan perpecahan kempen tersebut, malah ketidakupayaan golongan intelek dalam pencapaian negara sendiri benar-benar mengecewakan mereka. Mereka diberikan nama “intelektual” tetapi langsung tidak dapat memberi apa-apa sumbangan kepada negara sendiri, apatah lagi objektif kempen sebelum ini menemui kagagalannya. Kata-kata watak Lin Xin, seorang peserta dalam kempen tersebut menampilkkan isi hati golongan intelek yang berada di seberang laut selepas berlakunya perpecahan dalam kempen tersebut. Katanya:

Walaupun kami ni intelekual yang berpengajian tinggi, namun kufaham benar akan sikap kami ni. Golongan intelek pandai cakap merdu saja, tapi apa yang ditunjuk mereka bagaikan najis sahaja. Oleh itu, mereka yang benar-benar menyumbang kepada negara dan dapat mengubah masyarakat ialah kamu yang tinggal di dalam negara saja (1991a: 240).

Sesungguhnya Zhang Xiguo bertujuan meninjau kedudukan intelektual bangsa Cina walaupun mereka kini bertaburan di luar tanah air. Namun, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu yang diadakan pada tahun 1972 gagal memainkan peranannya. Kempen yang mula-mula bertujuan menyatupatukan bangsa Cina “akhirnya mengalami perpecahan di kalangan bangsa Cina di seberang laut. Semangat cinta akan negara akhirnya lenyap begitu saja.” (Zhang Xiguo, 1991a:

221) Kempen ini bukan sahaja gagal mencapai matlamatnya, malah penyelewengan hala kempen tersebut menyebabkan ramai antara mereka bertekad tidak lagi melibatkan diri dalam pencapaian politik di tanah air. Lantaran itu, kempen ini kemudiannya menimbulkan kekeliruan identiti di kalangan penduduk Taiwan. Akhirnya, Zhang Xiguo terpaksa meletakkan harapannya ke atas pemastaudin-pemastaudin Cina yang akan dibesarkan di luar negara. Namun, kekhuitirannya terhadap seluruh bangsa Cina tidak kira kepada mereka yang berasal dari masyarakat Cina mahupun mereka yang membesar di negara-negara Barat masih jelas kelihatan. Katanya:

Budaya yang membebankan bangsa Cina sejak beribu-ribu tahun kini telah diperturunkan kepada mereka di seberang laut sehingga mengakibatkan perpecahan di kalangan mereka. Di manakah harapan bangsa Cina? Tentu pada generasi baru. Apabila mereka membesar, generasi baru ini akan lupa segala-gala ketidakfahaman dan pemusuhan yang berlalu. Akan tetapi, generasi baru ini ialah warganegara Amerika Syarikat. Mereka tidak akan mengambil berat Timur Jauh dan tanah besar China. Disebabkan mereka tidak perlu ambil berat tentang semua ini, generasi baru akan dapat bersatu-padu semula. Namun, ada antara mereka yang tidak rela menjadi pemastaudin Amerika Syarikat. Mereka rindu akan bangsa Cina (1991a: 77).

Kepada Zhang Xiguo, beliau berikhtiar menentukan satu titik keseimbangan bagi dirinya atau orang Taiwan dalam pengembalaan di rantau asing. Dalam hal ini, kempen melindungi Kepulauan Diaoyu merupakan batu loncatan yang agak penting untuk beliau mencapai tujuan tersebut. Kita dapat mengatakan bahawa nasib yang dialami oleh Chen Zhexiong, Ge Rixin atau Wang Ya'nan sebenarnya membayangkan rasa terasing yang melandai Zhang Xiguo selama ini. Beliau akhirnya mengembalikan watak Wang Ya'nan ke pangkuan Taiwan, tetapi kempen ini masih menimbulkan "kemarahan" yang tidak didugai. Menurutnya:

Kemarahan mereka yang merebak tidak mendapat perhatian langsung. Namun, percintaan yang dicurahkan kepada negara masih melambung tinggi. Ada antara mereka yang sanggup memutuskan hubungan dengan tanah air sendiri. Generasi muda yang dibesarkan di Taiwan takkan tidak cinta akan Taiwan. Sesungguhnya mereka menanam cinta yang mendalam sekali terhadap Taiwan. Mereka tidak seharusnya dipersalahkan walaupun mereka akhirnya meninggalkan tanah air secara sukarela. Agaknya, ramai antara mereka akan berasa kesal kerana tidak dapat pulang ke negara sendiri (1991a: 221).

Nyatalah, kempen politik yang bertujuan menilai semula identiti bangsa Cina akhirnya menimbulkan kekeliruan golongan intelek ini. Kempen tersebut tinggal sebuah propaganda politik dan utopia yang dicipta untuk menawan hati beribubu ribu bangsa Cina. Ge Rixin, “pahlawan” dalam kempen tersebut terpaksa dikorbankan disebabkan kempen ini sememangnya tidak memberi suatu jalan keluar kepada peserta-peserta kempen tersebut.

Sejak koleksi karya fiksyen *Tanah*, Zhang Xiguo berusaha menggambarkan suatu dunia pengembara yang terdiri daripada golongan intelek. Bagi mereka, hubungan antara “pemergian” dengan “pengembalian” dan “tanah air” dengan “tanah asing” merupakan suatu hubungan yang agak tegang dalam realiti hidup. Zhang Xiguo meminjam latar ruang yang jauh dari tanah air untuk menilai semula identiti bangsa Cina. Sebagaimana yang dikatakan oleh beliau, “Aku mengejar sebuah dunia yang mempunyai peraturannya selama ini. Maka, hubungan harmoni antara manusia dengan tanah air ialah objek kajian aku selama ini. Pada masa yang sama, hubungan ini amat merunsingkan aku.” (1991a: 300) Kerunsingan ini padahalnya memberangsangkan Zhang Xiguo untuk mengenalpasti kedudukan dan tanggungjawabnya sebagai seorang pengembara

Cina yang melayang jauh dari tanah air sendiri. Kini, golongan pengembara yang pernah kehilangan pedoman hidup pada tahap penulisan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* nampaknya telah menuju ke jalan yang lebih cerah dan optimis dalam penentuan identiti mereka.

5.2 KERUNTUHAN JIWA GOLONGAN INTELEK DALAM METROPOLIS TAIPEI

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pendedahan Zhang Xiguo kepada masyarakat Taiwan dan bangsa Cina menunjukkan beliau tidak pernah meninggalkan realiti masyarakatnya walaupun beliau jauh melayang. Berbanding dengan penulis-penulis yang juga merupakan penghijrah-penghijrah berketurunan generasi kedua di Taiwan, Zhang Xiguo lebih berinisiatif dan terbuka dalam menampilkan dirinya kepada Taiwan dan kehidupan rakyatnya. Sehubungan itu, dua buah lagi novel beliau yang berjudul *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* pada tahun 1979 turut menjadikan metropolis Taipei sebagai latar ruang untuk membicarakan “hubungan harmoni” antara orang Taiwan dengan tanah airnya.⁴ Pencapaian cemerlang kedua-dua buah karya kreatif ini bukan sahaja menunjukkan kesinambungan dalam kematangan seni persembahan koleksi karya fiksyen *Tanah* (1970) dan *Kapal Pisang* (1976), malah usaha beliau tidak jemu mengenali Taiwan, tempat perlindungannya turut terserlah. Selain itu, Zhang Xiguo terus mendalam kejiwaan orang Taiwan terutamanya di kalangan

⁴ Dalam penutup kata novel *Kemarahan Masa Silam*, Zhang Xiguo menekankan bahawa hubungan harmoni antara manusia dengan tanah air adalah persoalan penting yang ingin ditinjauinya selama ini (1991a: 300). Dalam hal ini, novel-novel *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* yang berlatarbelakangkan metropolis Taipei terbukti Zhang Xiguo terus menuju ke arah penulisan ini.

intelektual dalam metropolis yang bersaing. Dengan kata lain, beliau sebenarnya berikhtiar mencari suatu jalan penyelesaian kepada “pergelutan insan” yang wujud sebagai konflik utama dalam penulisannya (Yang, 2001: 5). Tambahan pula, sebagai seorang penulis yang berintelek, kesungguhan Zhang Xiguo dalam membentuk dan menilai identiti diri sebagai seorang penghijrah di Taiwan mahupun pengembara di rantau asing tidak pernah diragui.

Selain meninjau hidup pengembalaan Cina di seberang laut melalui kempen melindungi Kepulauan Diaoyu, Zhang Xiguo tidak lupa akan kedudukan orang Taiwan yang menuju ke arah pemodenan pada akhir tahun 1970an. Lantaran, kedua-dua novel *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* dengan gaya penulisan yang sederhana tetapi unik sekali menular ke arah lapisan golongan intelek dalam metropolis Taipei yang sedang mengalami perubahan masyarakat yang mendadak pada masa itu. Pada hakikatnya, pengembara-pengembara yang berada di seberang laut masih menunjukkan kesangsian mereka terhadap tanah air ekoran kempen melindungi Kepulauan Diaoyu pada tahun 1972. Namun, golongan intelek yang mengalami keruntuhan jiwa ketika Taiwan mencapai pemodenannya menjelang tahun 1980an turut menimbulkan kebimbangan kepada Zhang Xiguo. Lantaran, novel-novel *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* sekali lagi membekalkan suatu saluran untuk beliau meninjau persoalan identiti orang Taiwan terutamanya di kalangan intelek berdasarkan perubahan masyarakat ini.

Sebagaimana yang kita bincangkan dalam bahagian lalu, masyarakat Taiwan yang menerima tamparan hebat ekoran daripada beberapa perubahan penting dalam institusi politik pada masa ini tidak memberi impak yang besar

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan kepada pertumbuhan ekonominya. Pada tahun 1971, Taiwan menarik diri daripada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga menyebabkan hubungan diplomatik antarabangsa Taiwan terletak pada tahap yang kritis sekali. Tambahan pula, pemutusan hubungan Taiwan dengan negara Jepun akibat krisis minyak wujud di pentas ekonomi antarabangsa telah membawa peristiwa Kepulauan Diaoyu dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, hal ini tidak banyak menjelaskan ekonomi Taiwan. Hubungan diplomatik antara Taiwan dengan Amerika Syarikat yang kukuh dan berlarutan ke akhir tahun 1978 telah menjamin pertumbuhan ekonomi dan perkembangan perindustriannya pada tahap ini. Pencapaian Taiwan dalam bidang ekonomi yang membanggakan telah menyakinkan rakyat jelatanya. Namun, di sebalik kemakmuran ini, penduduk metropolis Taipei yang menuju ke arah pemodenan sebenarnya mengalami keruntuhan jiwa yang semakin serius. Nilai-nilai moral yang diperlukan dalam perkembangan seorang intelektual kini pula diabaikan. Persoalan inilah yang amat dikhuatiri oleh Zhang Xiguo.⁵

Dalam hal ini, Zhang Xiguo telah menghidupkan semula wajah masyarakat Taipei dalam *Raja Catur* yang merupakan novel keduanya setelah *Kisah Benar tentang Paderi Pi* diterbitkan. Sebelum ini, beliau mengambil masa sekurang-kurangnya sepuluh tahun dalam meninjau persoalan “pemergian” dan

⁵ “Keruntuhan jiwa” yang dikatakan di sini adalah berbeza dengan “kehilangan akar budaya” seperti yang digambarkan oleh Yu Lihua dan Bai Xianyong dalam karya-karya mereka. Fenomena ini berlaku di kalangan intelektual Cina yang mengalami keruntuhan dalam perkembangan diri mereka. Misalnya, golongan intelek di metropolis Taipei kini lebih bersikap materialistik dan hanya mengutamakan kepentingan sendiri. Manakala kehilangan akar budaya seperti yang dibincangkan dalam bahagian 2.3 disebabkan generasi muda merasai diri mereka telah kehilangan “identiti” budaya tradisional Timur apabila berdepan dengan pertembungan budaya di negara Barat. Justeru, kebimbangan Zhang Xiguo pada tahap ini adalah berpunca daripada perubahan struktur dalaman masyarakatnya sendiri.

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan “pengembalian” golongan intelek, terutamanya bagi generasinya.⁶ Kini, pena beliau mula terletak di atas golongan intelek yang kembali ke pangkuhan tanah air dari rantau asing. Persoalan di sini, adakah kesucian dan keindahan pekan yang digambarkan dalam karya fiksyen “Tanah” masih dapat dipertahankan selama sepuluh tahun ini? Dewasa ini, masyarakat Taiwan terutamanya Taipei ialah sebuah metropolis yang berkembang pesat daripada masyarakat pertanian tradisional kepada masyarakat perindustrian yang moden (Yu Guangzhong, 2001: 2). Lantaran, watak-watak yang ditampilkan Zhang Xiguo kepada pembacanya pada tahap ini berbeza dengan watak-watak seperti Li Ming, Xiao Yu dan Shitou Zi yang ditunjukkan dalam karya fiksyen “Tanah” pada tahap awal penulisannya. Kelihatan segala watak dan perwatakan yang ada pada novel *Raja Catur* adalah hasil daripada masyarakat moden yang mengutamakan pembangunan ekonominya.

Novel *Raja Catur* menyerlahkan hubungan sesama insan yang dingin, materialistik dan renggang, khususnya di kalangan generasi baru yang berlumba-lumba untuk mencapai kepentingan sendiri dalam metropolis Taipei pada tahun 1970an. Novel ini berkisar antara Cheng Ling, seorang pelukis sambilan dan adiknya dengan seorang pemain catur yang berbakat dan berkemahiran meramal. Dalam hal ini, rakan-rakan dua orang adik-beradik ini berkeinginan memperalatkan kemahiran budak bakat ini demi manfaat masing-masing. Mula-mulanya, Zhang Shijia, pengarah rancangan “Dunia Budak Berbakat”

⁶ Pada tahun 1970 koleksi karya fiksyen *Tanah* diterbitkan ketika Zhang Xiguo baru melanjutkan pelajarannya di Amerika Syarikat. Karya ini jelas menunjukkan nostalgia seorang penuntut yang meninggalkan tanah airnya pada masa itu. Lebih-lebih lagi, pengembawa ini masih dihantui trauma yang diperoleh dari penghijrahan pada tahun 1949. kemudian, koleksi karya fiksyen *Penyagalah* yang dikarang antara tahun 1978 hingga 1984 baru kelihatan Zhang Xiguo mengambil keputusan untuk mengembalikan golongan intelek Cina dari seberang laut ke pangkuhan Taiwan. Maka, usaha beliau meninjau persoalan “pemergian” dengan “pengembalian” sekurang-kurangnya telah mengambil masa sepuluh tahun.

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan memperdayakan Cheng Ling supaya membenarkan bakat catur muncul di kaca televisyen untuk menarik perhatian penonton-penonton. Namun, Cheng Ling tidak bersetuju. Menurutnya, Zhang Shijia memang manis-manis mulutnya jika ingin mendapat bantuan orang. Sekiranya tujuannya tercapai, dia tidak lagi mengambil berat akan hal orang lain (2001b: 190). Selain itu, Zhou Pei, teman kongsi syarikat pengiklanan Cheng Ling juga ingin memperalatkan bakat catur dalam meramal harga pasaran saham. Tetapi perbuatannya dilarang oleh Cheng Ling. Zhou Pei berasa marah sekali dan berkata, “Kami ni tak sentuh budak bakat akan ada orang lain pula yang mempergunakan dia. Bukankah kami akan rugi nanti? Kalau faedah ini nak berikan orang, kenapa tak benarkan kami tanya dia beberapa soalan untuk kekayaan sesama?” (2001b: 114) Tambahan pula, Gao Yuebai, seorang pelukis yang berpegang terhadap “kebenaran seks” dan “seks itu jiwa insan” hanya gemar melukis badan perempuan untuk mengaut keuntungan.

Nyatalah, Zhang Xiguo mengambil kesempatan ini untuk mempersesembahkan wajah golongan intelek yang berpengajian tinggi di Taiwan tetapi bersikap tamak dan hipokrit dalam mengejar kenamaan dan kekayaan. Jika kita mengimbas kembali masyarakat pertanian tradisional seperti yang digambarkan dalam karya fiksyen “Tanah”, kesucian orang-orang desa pada masa yang lalu sesungguhnya telah berubah wajah. Kesemua perwatakan yang disebutkan di atas jelas membayangkan wajah-wajah generasi baru di Taipei yang ketamakan kekayaan. Mereka seakan-akan segolongan yang mengutamakan kepentingan sendiri sehingga telah mengabaikan nilai-nilai moral yang seharusnya dipegang oleh seorang intelektual. Kepekaan Zhang Xiguo terhadap perkembangan semasa masyarakat Taiwan membolehkan beliau sentiasa

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan mengikut jejak perubahan orang Taiwan.⁷ Kali ini, Zhang Xiguo mengarahkan keprihatinannya terhadap orang Taiwan yang mengalami keruntuhan moral dalam masyarakat moden. Sesungguhnya, kekecewaan dan kerunsingan Zhang Xiguo bukan tanpa sebabnya. Dalam temuramah dengan Xia Zuli, Zhang Xiguo berkata:

Pada tahun 1972, aku berpeluang kembali ke Taiwan setahun untuk kerjaku. Selama setahun ini, aku menemui ramai pemuda masyarakat Taipei yang berumur kira-kira 30 tahun. Mereka menceburkan diri dalam bidang perusahaan dan pandai berjanji-janji serta asyik berbincang tentang harga pasaran barang. Namun, mereka juga segolongan intelek yang bercita-cita tinggi dalam pencapaian budaya masyarakat. Aku faham akan sikap mereka ini kerana kupun berasal dari lapisan masyarakat ini. Barangkali aku benci dan berasa tidak berpuas hati terhadap lapisan tersebut. Tetapi, aku tidak dapat terlepas daripada belenggu ini. Ini dikatakan ikatan yang perlu aku tampil dan berdepan dengannya. Novel *Raja Catur* adalah karyaku yang terdedah kepada lapisan masyarakat ini (1977: 38).

Dalam masa setahun di Taipei, Zhang Xiguo turut merasai perubahan metropolis yang benar-benar menyakitkan hati dan mengecewakannya. Justeru, sikap dan pegangan hidup golongan intelek ini sekali lagi dijadikan sasaran utama dalam karyanya.

Cheng Ling dalam novel *Raja Catur* merupakan watak tipikal yang muncul dalam masyarakat Taiwan pada tahun 1970an. Beliau seorang sarjana jurusan seni

⁷ Menurut Zhang Xiguo, "Latar masa beberapa buah karya saya adalah mengikut kronologi. Novel berjudul *Kisah Benar tentang Paderi Pi* berlatarbelakangkan masyarakat Taiwan pada tahun 1950an, koleksi karya fiksyen *Tanah dan Kematian Kong Zi* mengisahkan perubahan masyarakat Taiwan pada tahun 1960an, novel *Raja Catur* pula menulis tahap awal perkembangan ekonomi Taiwan pada tahun 1970an dan novel *Kemarahan Masa Silam* dan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* mencerminkan kehidupan pengembara-pengembara Cina di seberang laut antara tahun 1960an ke 1970an. Di samping itu, enam buah lagi karya fiksyen dalam "Siri Roh Pengembara" yang saya rancangkan kemudian akan mengemukakan pelbagai perubahan minda bangsa Cina yang meninggalkan tanah besar China dari awal tahun 1970an hingga ke akhir tahun 1970an." (2001b: 199)

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan dan seorang yang alim terhadap kepercayaan agama pada awalnya. Namun, metropolis yang mementingkan kebendaan tidak menjamin masa depan seorang seniman dan turut menyebabkan Cheng Ling berputus asa dalam bidang pelukisannya. Beliau kemudian berkongsi dengan rakannya untuk mendirikan sebuah syarikat pengiklanan. Pada masa yang sama, Cheng Ling berpeluang menemui seorang pemain catur yang berbakat. Beliau berkali-kali melarang rakan-rakannya untuk mendapat manfaat dari pemain catur. Namun, Cheng Ling akhirnya telah membelakangkan perasaan budak ini demi kepentingan sendirinya. Katanya, “Selagi kumampu lukis, aku harap dapatkan sedikit keuntungan daripada budak ini. Sekiranya tujuanku tercapai, barulah kuhentikan perbuatan ini dan terus melukis.” (2001b: 100) Sikap hipokrit golongan intelek dalam pencapaian cita-cita mereka jelas kelihatan. Kehidupan Cheng Ling yang berpegang tegas pada “wang ialah segala realiti” dan “wang ialah kebebasan” adalah selaras dengan kata Profesor Liu, seorang lagi watak intelektual dalam karya ini. Kata Liu, “Hidup kami ni sambil lewa saja. Hanya kami nak lewa dengan serius atau rayau-rayau.” (2001b: 191) Jelasnya, golongan intelek yang digambarkan Zhang Xiguo ini langsung tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang intelektual walaupun nama mereka “intelektual” sebenarnya.

Dalam kebanyakan karya Zhang Xiguo, golongan intelek sering dijadikan sasaran beliau dalam meninjau hubungan insan dengan tanah air, atau hubungan beliau dengan Taiwan. Ini adalah disebabkan Zhang Xiguo amat menekankan identiti bangsa Cina yang berakar umbi di Taiwan (Zhang Xiguo, 1979i: 198). Dalam usaha mempertimbangkan peranan intelektual-intelektual yang berada di

Taiwan, novel *Raja Catur* dan koleksi karya fiksyen *Penggagah* yang diterbitkan kemudian memainkan peranan yang penting. Koleksi karya fiksyen *Penggagah* bertujuan mengkritik pengembara-pengembara dan penuntut-penuntut yang kembali ke Taiwan dari seberang laut manakala novel *Raja Catur* adalah dituju kepada segolongan intelek yang berasal dari lapisan sederhana dalam masyarakat perindustrian Taiwan pada umumnya.

Dengan suara sinis, Zhang Xiguo mengatakan bahawa dirinya tidak menjalankan tugas sepenuh sebagai seorang intelektual dalam masyarakatnya. Beliau terpaksa sentiasa “berperang” dalam realiti hidup ketika menjalankan kewajibannya. Tidak dapat dinafikan bahawa ketidaksenangan ini adalah disebabkan keterasingan yang wujud dalam hidup pengembarnya. Zhang Xiguo berkedudukan jauh di luar Taiwan mendapati dirinya tidak dapat melaksanakan tugasnya terhadap negara walaupun beliau mengesan keruntuhan jiwa orang-orang Taiwan.⁸ Justeru, beliau tidak jemu menggambarkan golongan intelek seperti Cheng Ling, adik Cheng Ling dan Feng Weimin yang gagal mengimbangkan diri antara kewajipan mereka dengan realiti hidup. Misalnya, Feng Weimin meminta pemain catur untuk meramal masa depan manusia hanya demi kebaikan sendiri. Golongan intelek ini masing-masing tersimpan motif tertentu di sebalik layanan baik yang diberikan kepada pemain catur. Hal ini sememangnya menyedihkan Zhang Xiguo. Katanya:

⁸ Dalam novel *kemarahan Masa Silam*, watak Lin Xin, seorang penuntut Taiwan yang berada di Amerika Syarikat berkata dengan tegasnya, “Mereka yang benar-benar menyumbang kepada negara dan dapat mengubah masyarakat adalah kamu yang tinggal di dalam negara.” (2001b: 240)

Tiba-tiba dia sedar akan tiada seorang yang benar-benar ambil berat terhadap bakat catur. Zhang Shijia hanya mengambil berat terhadap “Dunia Budak Berbakat”, rancangan televisyennya. Zhou Pei berazam mengejar kekayaan saja. Xiao Jin seorang yang tiada pendirian. Feng Weimin ambil berat akan trend sejarah. Tiada sesiapa yang benar-benar mempedulikan perasaan pemain catur ini. Mahupun Cheng Ling dan adiknya juga tidak menunjukkan keikhlasan mereka. Sebab itulah bakat catur tidak kelihatan kesungguhan dan minatnya dalam apa jua perkara. Mungkin dia dah faham akan motif di sebalik kesemua orang di sekelilingnya (2001b: 169).

Nyatalah, hampir seluruh watak dalam novel *Raja Catur* merupakan mangsa-mangsa yang terkorban dalam masyarakat yang ghairah mengejar kebendaan.

Dalam hal ini, Yu Guangzhong memberi ulasannya yang tepat untuk menjelaskan motif penulisan Zhang Xiguo pada tahap ini. Menurutnya, “Zhang Xiguo memperlihatkan fitrah manusia sebagai ‘kelemahan’ tetapi bukannya ‘kejahatan’. Kelemahan insan ini seharusnya diberikan simpati. Justeru, Zhang Xiguo sentiasa bersimpati terhadap watak-wataknya daripada mengecam mereka.” (2001: 9) Sesungguhnya Cheng Ling dan golongan intelek di atas hanya mangsa-mangsa yang terkorban dalam arus pemodenan. Justeru, novel *Raja Catur* yang diterbitkan pada tahun 1979 tepat masanya untuk meneruskan peranan Zhang Xiguo untuk mengenali dan mempertimbangkan semula tanggungjawab yang seharusnya dimainkan oleh golongan intelek.

Sebuah lagi novel Zhang Xiguo yang berjudul *Sungai Kuning* dengan berlatarbelakangkan masyarakat Taipei pada tahun 1970an sekali lagi menampilkan persoalan identiti orang Taiwan yang ditinjau beliau pada tahap ini. Berbanding dengan gaya bahasa novel *Raja Catur* yang padat, berisi dan mudah

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan difahami, novel *Sungai Kuning* melibatkan terlalu banyak persoalan sehingga menjelaskan pelukisan watak-watak dan perjalanan plot karya ini.⁹ Novel ini mengisahkan Zhan Shuren, seorang mahasiswa yang berasal dari desa dan turut merasai pelbagai perubahan metropolis Taipei dalam bidang politik, ekonomi dan sosial-budaya. Perubahan ini kemudian memberi impak-impak kepada perkembangan intelektual ini. Zhan seorang anak kampung yang suci. Tetapi, ibu kota yang bersaing dan pantas berubah wajah akhirnya memberi tamparan hebat kepadanya. Beliau sanggup melukakan Li Haiwen ketika mendapati Zhou Rong, teman wanitanya mengandung. Zhan juga berinisiatif untuk membantu Hong Xingsheng dalam pengundian dan kegiatan politik. Beliau mengalami perkembangan batin yang menyaksakan ketika hidup di bandar. Demikianlah isi hati watak bulat ini, "Dia pilih jurusan kewartawanan adalah jalan yang betul. Kenapa nak cari hero yang sebenar? Jika dia berusaha menulis laporan berita yang bererti dan jadilah saksi dalam sejarah, masa itu tidak akan sia-sia." (1990a: 165) Di sini, peranan dan kewajipan seorang intelektual dinilaikan semula ekoran perubahan pantas di metropolis Taipei.

Golongan intelek dalam novel *Sungai Kuning* tidak banyak bezanya daripada watak-watak dalam novel *Raja Catur* sebelum ini. Mereka ialah segolongan yang gagal menyumbang tenaga terhadap masyarakat, apatah lagi dalam pencapaian budaya sesuatu bangsa. Sebagai tamsilan, Lan Qi menerbitkan majalah demi kepentingan sendirinya dalam bidang politik. Dia juga pandai

⁹ Ada pengkritik sastera yang berkata, "Karya ini menyentuh pelbagai tema persoalan, misalnya politik, ekonomi, medan perdagangan, pemerintah, kota-desa, ciri-ciri kemanusiaan yang kompleks, perubahan dalam percintaan, dan pengaruh dari persekitaran serta perlakuan manusia. Disebabkan penulis berhasrat menyelitkan pelbagai persoalan di atas, novel ini sukar memberi kepuasan terhadap pembacanya." (Men Wairen, 1980:111)

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan mengambil hati Wang Peilun dan Li Haiwen kerana diharapkan kedua-dua usahawan ini akan membekalkannya bantuan kewangan dan melicinkan hubungan sosialnya pada suatu hari nanti. Lan Qi berkata, "Abang Peilun menceburkan diri dalam bidang akademik tetapi dia juga ahli pertubuhan perusahaan pemuda-pemudi. Sekarang adanya abang Haiwen. Maka, kerjasama daripada bidang akademik dan peusahaan adalah sangat mustahak." (1990a: 60) Nyatalah, hubungan sesama insan ini semata-mata terbina atas kepentingan sendiri. Demikiannya Wang Peilun menafsirkan tindakan syarikat percetakan yang memberi tajaan kepada penerbitan majalahnya:

...dari aspek pesimis, syarikat percetakan ini dapat menghalang pengaliran keluar tenaga intelektual seperti kami. Jika tenaga ini digembung untuk penerbitan sesebuah majalah, maka kami mudah diawasi...dari aspek yang optimis pula, memang nakkan kami bekalkan banyak artikel untuk penerbitan buku kemudiannya (1990a: 193).

Wajah golongan intelek inilah yang dikritik oleh Zhang Xiguo dalam penulisannya pada tahap ini. Mereka ialah segolongan yang mengalami keruntuhan jiwa dalam pemodenan. Kebanyakan intelektual ini walaupun berpelajaran tinggi, tetapi mereka terpaksa berdepan dengan persaingan dunia yang menyeksakan jiwa mereka. Tambahan pula, golongan intelek tidak menunjukkan keprihatinan mereka terhadap perubahan masyarakat disebabkan mereka menekankan kepentingan sendiri daripada kepentingan sesama. Perlakuan mereka inilah yang dikatakan harga yang dibayar atas nama kemajuan.

Pada pendapat Zhang Xiguo, golongan intelek seharusnya memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Masyarakat Taiwan yang

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

diangap makmur dan stabil terutamanya dalam bidang ekonomi menjelang akhir tahun 1970an amat memerlukan tenaga intelektual yang sentiasa memimpin masyarakat ini ke tahap cemerlang, terutamanya dari aspek budaya dan sosial. Namun, masyarakat yang menuju ke era perindustrian pada masa itu hanya memperlihatkan segolongan intelek yang mengalami keruntuhan jiwa. Mereka mempunyai pegangan hidup yang bercanggah dengan nilai-nilai murni dalam masyarakat tradisi. Gejala ini amat membimbangkan Zhang Xiguo. Beliau seorang pengkaji sains yang sentiasa peka terhadap perkembangan semasa khuatir akan Taiwan hanya mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi tetapi mundur dalam pencapaian budayanya. Sehubungan itu, tinjauan ke atas identiti budaya orang Taiwan merupakan suatu usaha yang wajar dalam metropolis ini. Namun, golongan intelek dalam novel *Sungai Kuning* ialah segolongan yang telah mengabaikan peranan mereka terhadap pembentukan identiti budaya sesuatu bangsa. Peranan ini kian kelihatan kepentingannya terutamanya dalam dunia moden yang lebih mementingkan kebendaan daripada pembangunan budaya dan sosial. Justeru, Zhang Xiguo tidak jemu meninjau kepentingan identiti budaya bagi seluruh bangsa Cina yang disayanginya. “Identiti” merupakan persoalan penting untuk mengenali diri atau bangsa sendiri disebabkan manusia sejagat tidak akan lagi dibezakan dari aspek ideologi, politik atau ekonomi tetapi diukur dengan kebudayaan masing-masing. Maka, persoalan yang asas bagi setiap insan masa kini adalah “siapakah saya” dan “apakah itu identiti negara-bangsa dan identiti budaya kita?” (Wang Yuechuan, 2001: 76-77) Persoalan inilah yang memberangsangkan Zhang Xiguo untuk mendasari kedudukan orang Taiwan pada tahap ini.

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

Jika kita meneliti novel *Sungai Kuning*, pergelutan Zhan Shuren dalam hidupnya di masyarakat Taipei padahalnya adalah suatu bayangan semangat nasionalisme yang dicurahkan oleh seorang intelektual terhadap tanah airnya. Demikianlah Zhang Xiguo menggambarkan isi hati Zhan Shuren:

Zhan Shuren tidak pasti sama ada dia cinta akan bandaraya ini. Rasa-rasanya dia takut sungguh akan bandar ini. Bandar ini banyak kesilapannya. Tapi, dia mendapati dirinya tidak mungkin meninggalkan bandar ini. Mustahil dia cinta akan bandar ini seakan-akan dia cinta akan desa yang dia berasal... Tapi, ia mempunyai daya tarikan yang tersendiri (1990a: 96).

Nyatakan, golongan intelek ini bukan anak-anak yang tidak menyayangi negara mereka. Tetapi, mereka hanya kesesatan dalam arus pemodenan. Keruntuhan jiwa yang terbayang pada watak-watak ini sememangnya suatu persoalan yang sangat dipertikaikan dalam bidang akademik tanah besar China pada tahun 1993 terutamanya ketika intelektual menyedari bahawa fenomena ini seakan-akan suatu “penyakit jiwa” dalam dunia moden.¹⁰ Golongan intelek berpendapat bahawa seseorang yang berjiwa tinggi akan sentiasa mendalam nilai-nilai kewujudan dunia dan dirinya. Mereka juga akan sentiasa memperkembang dan mendasari keperluan jiwa seseorang seterusnya berikhtiar untuk merealisasikan keperluan ini dari pelbagai aspek kehidupan insan (Wang Xiaoming, 1997: 360).

Novel *Raja Catur* dan *Sungai Kuning* merupakan dua buah karya penting yang diterbitkan Zhang Xiguo menjelang akhir tahun 1970an. Pada masa itu, beliau berkedudukan jauh dari Taiwan dan sibuk dalam profesi sains yang

¹⁰ Perbincangan tersebut dapat merujuk kepada dua buah koleksi kajian yang penting, yakni Ding Dong ed., 1996 dan Wang Xiaoming ed., 1996

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan digemarinya. Kesudahan golongan intelek dalam kedua-dua karya ini tidak lagi menunjukan jalan mati seperti yang dilalui oleh kebanyakan watak dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* sebelum itu. Arah penulisan Zhang Xiguo pada tahap ini menandakan masa depan golongan intelek yang kian cerah dan penuh dengan harapan. Sehubungan itu, beliau kelihatan begitu dahaga untuk mendasari perkembangan naluri golongan intelek dalam pembangunan metropolis yang pesat pada tahap ini. Namun begitu, intelektual ini kadang-kadang gagal menentukan peranan mereka terhadap masyarakat atau bangsa sendiri. Usaha murni Zhang Xiguo dalam meninjau kebatinan orang Taiwan ternyata beliau tidak pernah meninggalkan bangsa Cina meskipun beliau berkedudukan jauh daripada bangsanya. Yu Guangzhong pernah menyanjungi sumbangan Zhang Xiguo terhadap Taiwan. Katanya:

Zhang Xiguo amat mamahami perkembangan semasa Taiwan dan kedudukan golongan intelek dalam masyarakat dewasa ini jika berbanding dengan para penulis yang lain dalam negara. Zhang Xiguo yang berpendidikan sains amat peka terhadap masyarakat dan negaranya. Bandaraya Taipei yang menuju ke arah perindustrian telah diberikan wajah baru oleh Zhang Xiguo. Orang Taipei yang mengutamakan kepentingan ekonomi pada tahun 1970an di bawah nukilan beliau amat berbeza dengan karya-karya Bai Xianyong sebelum itu. Perlukisan yang diberikan Zhang Xiguo kepada perubahan zaman ini bukan suatu gambaran fizikal semata-mata. Di sebalik penulisan ini, tersiratnya keprihatinan dan kritikan seorang intelektual yang ditujukan kepada masyarakat berasaskan semangat nasionalismenya (1978: 4).

Jelasnya, pelbagai masalah yang dialami oleh golongan intelek dalam metropolitan Taipei telah membangkitkan krisis budaya yang amat membimbangkan. Persoalan keruntuhan jiwa yang ditinjau kritis dalam bidang ilmiah di tanah besar China pada tahun 1990an tepat dipraktikkan di sini untuk

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan memahami keruntuhan identiti golongan intelek Taiwan ketika melangkah ke era perindustrian pada masa itu. Profesor Wang Xiaoming berkata sedemikian:

Perbincangan tentang “jiwa kemanusiaan” jelas membayangkan kesukaran hidup intelektual-intelektual Cina pada zaman kontemperori. Keruntuhan jiwa pada insan sejagat bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor luaran misalnya, kelemahan pengaruh individu kepada masyarakatnya, tiada suatu cara penyampaian yang bersesuaian dalam masyarakat perusahaan dan sebagainya, malah persoalan tentang keruntuhan jiwa ini juga menunjukkan kelemahan jiwa yang serius, yakni keruntuhan identiti dalam jiwa manusia dan kesesatan dalam hidup diri sendiri (1997: 365).

Tindakan inisiatif Zhang Xiguo dalam mendasari kejiwaan golongan intelek telah mengembalikan mereka ke atas peranan yang seharusnya dimainkan oleh intelektual Cina selama ini. Novel *Sungai Kuning* dan *Raja Catur* adalah titik peluh yang amat berharga dan bererti dalam hidup pengembaraan Zhang Xiguo pada tahap ini. Metropolis Taipei walaupun tidak menyediakan sebuah “rumah” kepada beliau yang mengasingkan diri secara sukarela di rantau luar, tetapi “keterbuangan” ini telah melahirkan jiwa murni bagi pengembara ini berasaskan hubungan intim yang dijalankan Zhang Xiguo.

5.3 TERBUANG DALAM DUNIA IMAGINASI: SATU TINJAUAN TERHADAP KARYA FIKSYEN SAINS ZHANG XIGUO

Selain karya-karya Zhang Xiguo seperti yang dibincangkan terdahulu banyak memperlihatkan sentimen keterasingan dalam pengembalaan watak-watak tersebut, penulisan fiksyen sains padahalnya adalah suatu lagi saluran yang mendalamai dunia pengembala yang sunyi dan terasing. Martabat Zhang Xiguo dalam kesusasteraan Taiwan sebenarnya lebih disanjungi dengan usaha murni beliau dalam memperkembang dan mempertingkat bidang fiksyen sains Cina. Kebanyakan karya fiksyen sains Zhang Xiguo sebenarnya memperlihatkan kebimbangan beliau terhadap masa depan insan sejagat yang menduduki bumi ini akibat arus pemodenan yang kian menggugat keamanan dan keharmonian tempat tinggal manusia. Daya kreatif yang dipersembahkan beliau dalam karya fiksyen sains dapat menujukan kita ke arah dunia masa depan tanpa sebarang batasan ruang dan masa berpandukan perlukisan sains dan teknologi serta kekuatan imaginasi yang ada pada seorang penulis fiksyen sains. Bidang fiksyen sains sesungguhnya sukar dibandingkan dengan karya fiksyen bukan sains memandangkan kebanyakannya karya fiksyen bukan sains terikat dengan unsur realiti yang membayangkan pelbagai permasalahan dalam masyarakat. Sehubungan itu, bahagian ini akan meneliti keterasingan manusia sejagat dari dunia fiksyen sains yang dibina oleh Zhang Xiguo. Sesungguhnya, selain karya fiksyen bukan sains Zhang Xiguo yang berkait rapat dengan nadi masyarakat Taiwan, karya fiksyen sains membentukkan sebuah dunia yang sunyi, terasing dan terselit banyak perubahan yang sukar didugai. Di sebalik dunia imaginasi dalam karya-karya fiksyen sains Zhang Xiguo, dapatlah kita meneliti unsur

Sebenarnya, dua buah karya fiksyen sains Zhang Xiguo, yakni “Biografi Superhuman” dan “Catatan tentang Tulang Luput” yang disimpan dalam koleksi karya fiksyen berjudul *Tanah* telah memperlihatkan kekayaan imaginasi dan ketajaman daya observatifnya sejak awal-awal lagi. Jika kita meneliti karya-karya Zhang Xiguo pada akhir tahun 1970an, beliau banyak menyentuh kehidupan golongan intelek yang berada di seberang laut. “Ketidakstabilan” dalam pengembaraan Zhang Xiguo menggalakkan beliau sering mencari suatu titik keseimbangan untuk dirinya. Justeru, beliau tidak jemu mendasari kebatinan manusia sejagat yang terpaksa sentiasa berdepan dengan konflik dalam dunia realiti ini. Sejak karya “Biografi Superhuman”, Zhang Xiguo berkobar-kobar memberi suatu tema persoalan yang berbunyi “keterasingan yang sempurna” kepada dunia fiksyen sainsnya.¹¹ Pada hakikatnya, emosi yang romantis ini adalah disebabkan nostalgia yang ditujui beliau kepada Taiwan ketika beliau baru tiba di Amerika Syarikat pada tahun 1966. Kini, beliau memperdayakan “daya imaginasi seorang bangsa Cina dengan meminjam dunia fiksyen sains yang bertentangan dengan dunia realiti untuk membayangkan wajah masyarakat yang

¹¹ Zhang Xiguo berpendapat bahawa tema yang berbunyi “keterasingan yang sempurna” membayangkan pengalaman yang ada pada kebanyakan perantau ketika berdepan dengan persekitaran yang asing. Beliau berkata, “Karya ‘Biografi Superhuman’ dikarang ketika kubaru belajar di Universiti California, Amerika Syarikat. Pada masa itu, terdapat sesetengah penulis yang menceburkan diri dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut. Ketika itu, kuhasilkan karya ‘Biografi Superhuman’. Pada dasarnya, karya ini mengisahkan bagaimana seseorang mengasingkan dirinya dalam persekitaran asing...” (Fu: 2000, 38) Sebenarnya, Zhang Xiguo bertekad menempatkan penulisan karya fiksyen sainsnya dalam latar ruang keterasingan ini. Beliau menjelaskan bahawa jika segala duniawi tidak dilabelkan, dunia ini akan menjadi asing dan segar bagi kita. Beliau berpendapat, penulisan fiksyen sains berkemampuan untuk mengejar kesempurnaan dalam dunia yang asing bagi seseorang. Padahalnya, latar keterasingan ini telah membekalkan nilai estetika dalam karya-karya fiksyen sains. Inilah yang merupakan keistimewaan karya fiksyen sains jika berbanding dengan karya-karya fiksyen bukan sains (2001g: 174).

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan sebenar dalam masa depan alam sejagat." (Wang Dewei, 1998: 46). Berasaskan motif penulisan ini, bahagian ini memetik dua buah koleksi karya fiksyen sains Zhang Xiguo yang diterbitkan selaras dengan waktu penerbitan karya-karya lain seperti yang dibincangkan dalam bahagian lalu untuk mengukur rasa terbuang yang terbayang dalam karya-karya Zhang Xiguo. Dua buah karya fiksyen sains yang berjudul *Siri Horizon* (1980) dan "Metropolis" yang terdiri daripada tiga buah fiksyen sains, iaitu *Lima Piring Batu* (1981), *Naga Perkasa Dari Bandar* (1986) dan *Sebulu* (1991) juga lebih tepat untuk meninjau keprihatinan Zhang Xiguo dalam hidup pengembaraannya pada tahap itu.

Siri Horizon merupakan koleksi karya fiksyen sains pertama Zhang Xiguo. Manakala "Metropolis" adalah titik peluh beliau selama sepuluh tahun dan turut dikatakan sebagai sebuah epik fiksyen sains yang terdapat keistimewaan yang tersendiri (Xiang, 2000: 35). Keprihatinan Zhang Xiguo terhadap insan sajagat tidak pernah luntur dalam dunia fiksyen sainsnya walaupun corak penulisan ini telah meninggalkan unsur realiti dalam pengucapannya. Beliau kini meminjam penulisan fiksyen sains dalam memperkembangkan "dao" yang merupakan prinsip penulisannya selama ini.¹² Sebagaimana yang dikatakan oleh Zhang Xiguo:

¹² Menurut Zhang Xiguo, fiksyen sains moden Barat terbahagi kepada dua aliran, yakni aliran yang mementingkan latar teknologi dan penekanan "dao". Penulis yang mementingkan latar teknologi sememangnya mempunyai pengetahuan sains yang luas. Dalam pada itu, kelihatan pelbagai kemahiran sains yang canggih lagi moden dalam karya-karya mereka. Kadang-kadang penulis ini mempunyai ramalan yang tajam terhadap masa depan masyarakat. Pelbagai gambaran terhadap teknologi juga merupakan latar penting bagi penulis menekankan masa depan individu dan masyarakat. Namun, minat pembaca akan berkurangan jika mereka mendapatkan teknologi dalam karya-karya tersebut tidak dapat lagi menarik perhatian mereka. Manakala, penulis yang menekankan "dao" seakan-akan ahli falsafah sambilan, saintis separuh mahir atau pengarang fiksyen yang tidak mementingkan latar teknologi dalam fiksyen sains. Sebaliknya, mereka menyelitkan pengetahuan falsafah mereka dalam penulisan (1979: 238, 244).

Penulis yang menekankan “dao” kebanyakannya tidak berpuas hati terhadap masyarakatnya akan berada atau khuatir akan masyarakat menuju ke arah yang tidak disokongnya. Lantaran itu, beliau meluahkan ketidakpuasannya secara lantang melalui penulisan agar memberi suatu petunjuk kepada anggota-anggota masyarakat (1979h: 244).

Jika ditinjau teliti dalam karya-karya fiksyen sains Zhang Xiguo, kita mendapati bahawa “dao” yang sering ditekankan beliau padahalnya adalah hasrat Zhang Xiguo yang hendak ditunaikan kepada masyarakatnya. Sekali lagi, Zhang Xiguo berikhtiar mendasari kejiwaan manusia sejagat dalam keterasingan. Jian Zhengzhen pernah meninjau tema penulisan fiksyen sains Zhang Xiguo dari aspek diaspora manusia. Menurutnya, fiksyen sains Zhang Xiguo menampilkan tema diaspora sebagai sebuah alegori yang membawa pengertian hidup yang mendalam. Dengan adanya alegori dalam penulisan fiksyen sains, Zhang Xiguo mengusulkan bahawa diaspora bukan sahaja suatu fenomena yang berlaku di atas muka bumi semata-mata, malahan diaspora merupakan persoalan utama kepada alam sejagat (Jian, 1995: 35). Sesungguhnya, Zhang Xiguo yang berkecimpung dalam bidang sains sedia menerima kebimbangan ini daripada pemodenan dunia. Dalam hal ini, beliau berusaha mengesan “musuh ciptaan” yang mungkin akan wujud di atas muka bumi dan angkasa lepas kelak. Justeru, karya-karya fiksyen sains misalnya, “Kembali” (Gui), “Suntingan Jodoh” (Jianmeng Qiyuan) dan “Rumah Robot” (Wan’ou zhi Jia) adalah antara karya-karya dalam *Siri Horizon* yang mempersempahkan persepsi Zhang Xiguo terhadap pemodenan dan ramalannya ke atas impak-impak negatif ekoran kemajuan sains dan teknologi.

Karya fiksyen sains “Kembali” yang berlatarbelakangkan perlombongan bijih timah di dasar laut mengisahkan percintaan dua orang jurutera di bawah pengaruh dan gangguan teknologi. Jurutera wanita dipasangkan sebuah “mesin mengesan isi hati” untuk memerhati sebarang serangan luar terhadap pusat operasinya. Namun, mesin yang juga dapat memahami pemikiran dan perasaan manusia ini sering mengganggu jurutera wanita, terutamanya dalam soal cinta. Dengan perasaan marah sekali, jurutera wanita terus menutup suis mesin itu dan akhirnya mengakibatkan pusat operasinya diserang. Di samping itu, karya fiksyen sains “Suntingan Jodoh” memperlihatkan kecanggihan teknologi berjaya “menguasai” perasaan naluri insan. Dengan terciptanya “televisyen imaginasi”, hasrat manusia untuk bertemu dengan peminat mereka begitu mudah tercapai. Kata Zhang Xiguo, “Pelanggan yang berkemampuan akan menyediakan televisyen imaginasinya. Melalui rancangan ‘berinteraksi hati’, seseorang dapat menemui jodoh idamannya.” (1980d: 66) Malangnya, kemudahan yang dibekalkan oleh televisyen imaginasi akhirnya menjadi bebanan manusia. “Daya imaginasi manusia terus terjejas dan akhirnya kehilangan semua daya kreativitinya.” (1980d: 72)

Selain itu, “Rumah Robot” mempersempahkan sebuah dunia robot yang benar-benar dapat menggantikan tenaga manusia dalam dunia moden. Yang tidak diduga, insan yang mulia dan ego akhirnya dijadikan alat permainan bagi robot. Nyatalah, manusia kini “dikuasai” oleh kemajuan teknologi secara menyeluruh mahupun semangat kejiwaan insan diganti juga dalam kebendaan. Zhang Xiguo yang merupakan penyokong dalam bidang penulisan fiksyen sains amat menyedari bumi kian mengecil di sebalik perkembangan alam sejagat (1979h:

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan 229). Beliau padahalnya mempercaya sebuah dunia robot akan wujud sekiranya dunia ini mencapai kemajuannya pada suatu tahap tertentu (Long, 1985a: 201-202). Berasaskan kepercayaan tersebut, lahirnya kebimbangan Zhang Xiguo terhadap kecanggihan teknologi yang akan menggugat kedudukan insan pada suatu hari nanti.

Sesungguhnya, manusia sering terkorban di bawah kepintaran diri sendiri, tetapi ada antara mereka yang tidak sedar akan kenyataan ini. Zhang Xiguo berikhtiar mencari jalan penyelesaian atau jawapan terhadap kelemahan insan yang sering wujud sebagai keraguan dalam penulisannya. Beliau mengakui bahawa kebanyakan karya fiksyen sainsnya dihasilkan dalam perasaan gembira (Long, 1985a: 199). Dalam artikelnya yang berjudul “Pengkhianatan dan Penyelamat Diri dalam Sastera Pengembara” (Youzi Wenxue de Beiqi yu Jiushu), dapat kita memahami motif penulisan Zhang Xiguo dengan jelas sekali. Katanya:

Kenapa ku menulis? Jawapannya, aku ingin hidup dalam dunia yang bukan lagi milikku. Walaupun kuperpisah dengan dunia ini, tapi kumasih menjalinkan hubungan yang kompleks dengannya. Dunia ini kadang-kadang begitu nyata daripada dunia yang benar-benar kuperada (1995: 465).

Walau bagaimanapun, Zhang Xiguo sentiasa menempatkan dirinya dalam suatu ruang diaspora yang diasingkan dan tidak menentu. Tindakan ini memberi kebebasan kepadanya untuk mendalami kedudukan jiwa manusia dalam situasi yang tiada penetapan ini. Lantaran, “dunia” yang benar-benar diambil beratnya bukan suatu lokasi yang diukur sempadan geografi, sebaliknya dunia ini terdiri daripada penghijrah-penghijrah Cina di seberang laut. Dalam hal ini, tidak

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan ketinggalan Zhang Xiguo menuduh sikap-sikap negatif insan sejagat di samping kritikannya terhadap kemudaratan yang dibawa oleh teknologi sains.

Koleksi karya fiksyen sains *Siri Horizon* yang melatarbelakangkan masyarakat Taiwan pada tahun 1970an telah memperlihatkan suatu kenyataan, yakni setiap ciptaan baru akan membawa permasalahannya dalam dunia masa depan (Li Oufan, 1980: 4). Pada dasarnya, kritikan Zhang Xiguo bukan semata-mata ditujukan kepada kemajuan teknologi sains kerana beliau menyedari bahawa kelemahan manusia adalah punca utama dalam fenomana keruntuhan jiwa seperti yang dibincangkan dalam bahagian lalu. Karya fiksyen sains berjudul “Mimpikan Anak Laki” (Wangzi Cheng Long) mendedahkan masyarakat tradisi Cina yang mengidam-idamkan kelahiran anak lelaki. Karya ini mengisahkan sepasang suami isteri yang mengidam-idamkan kelahiran seorang anak lelaki. Suami itu meminta Jabatan Perancangan Jumlah Penduduk untuk melahirkan mereka bayi tabung uji. Setelah sepuluh tahun memohon, baru tibanya giliran mereka. Disebabkan kedahagaan untuk mendapat seorang anak lelaki yang sempurna, pasangan suami isteri ini sekali lagi meminta bantuan daripada syarikat pemberian kualiti dan syarikat pembekal gen dalam kelahiran. Tambahan pula, suami isteri ini sanggup membelanjakan kos kelahiran yang tinggi untuk meminjam rahim seorang jururawat dan kemudian menanti saat kelahiran anak lelaki mereka. Yang mengecewakan mereka, anak lelaki yang dilahirkan begitu hodoh paras rupanya. Jabatan perancangan jumlah penduduk telah mengubahkan gen anak itu pada saat terakhir disebabkan mereka terpaksa menyelaraskan kualiti bayi-bayi yang dilahirkan.

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

Sekali lagi, ketamakan manusia yang terbayang dalam karya fiksyen sains “Di Manakah Alasannya” (Qi You Ci Li) dijadikan tuduhan Zhang Xiguo di sini. Wang Fueng, seorang saintis berjaya menghidupkan semula tiga orang wanita yang cantik-cantik belaka dalam sejarah melalui eksperimen sainsnya. Kejayaan ini bukan sahaja membawa kepuasan nafsu kepada saintis ini malah sifat tamaknya turut terserlah ketika saintis ini digalakkan dalam pengeluaran buku dan perfileman dengan penemuan barunya. Tidak dapat dipertikaikan bahawa Zhang Xiguo merupakan seorang penulis fiksyen sains yang berikhtiar melakarkan perwatakan yang konkret di luar keupayaan manusia sendiri dengan ketajaman persepsi sainsnya (Wang Jianyuan, 1993: 572). Wang Fueng, saintis di dalam novel ini terkorban di bawah kemajuan sains teknologi. Justeru, seperti karya-karya fiksyen yang lain (Misalnya *Penggagah*), fiksyen-fiksyen sainsnya sekali lagi membekalkan suatu ruang diaspora yang nyata dan wajar sekali untuk melihat gelagat manusia yang terpaksa melawan dengan nasib sendiri ketika dunia kian menuju ke arah pemodenan. Dalam hal ini, Zhang Xiguo sebenarnya meminjam mangsa-mangsa di bawah kemajuan sains untuk mengukur masa depan manusia sejagat.¹³

Daripada pelbagai gelagat yang dipersembahkan oleh Zhang Xiguo dengan nada sinis sekali, kita seakan-akan memperlihatkan sebuah “alegori berunsurkan fiksyen sains” yang diberinya dalam paradoks untuk menunjukkan kebimbangan penulis terhadap masa depan manusia sejagat. Dengan mewujudkan semula

¹³ Menurut Zhang Xiguo, “Penulisan Realisme merupakan aliran utama dalam kesusasteraan China. Namun ada sesetengah tema sukar dihasilkan dalam penulisan Realisme. Sebaliknya saya berpendapat penulisan fiksyen sains dapat menampilkan tema-tema persoalan ini. Dalam penulisan fiksyen sains, saya berasa tiada sebarang tekanan dan dengan itu saya dapat menulis apa-apa yang saya ingin utarakan.” (Sila rujuk Xia Zuli, 1977: 37)

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan kekejaman “manusia makan manusia” seperti yang pernah dikarya oleh Lu Xun (1881-1936), karya fiksyen sains “Terjemahan yang Terbaik” (Fanyi Juechang) mengisahkan kekejaman bangsa “Gai” yang memakan sesama diri.¹⁴ Seorang penterjemah terkejut apabila mendapati kata “gai” yang dipergunakan dalam kehidupan harian tersiratnya makna “makan bangsa Gai”. Yang menggelikan hati pembaca, pembunuhan tidak sedar akan dialah pembunuhan manakala yang dibunuh itu tidak sedar akan dia dibunuh (1980g: 121). Lantaran, Zhang Xiguo berkeinginan “melanjutkan nyawa” manusia dalam karya fiksyen sains “Tasik Waktu Muda” (Qingchunquan).¹⁵ Malangnya, manusia yang ketamakan kesenangan dan keseronokan melalui “pusat pelanjutan nyawa” akhirnya ditimpa penyeksaan yang tidak terhitung pada hayat yang seterusnya. Jelasnya, kepentingan jiwa insan sekali lagi diabaikan dalam buangan manusia dan tragedi ini sememangnya tidak pernah berakhir.

Tahap penulisan koleksi karya fiksyen sains *Siri Horizon* pada hakikatnya membayangkan kematangan seni penulisan Zhang Xiguo yang mengagumkan pada tahun 1980an. Karya-karya fiksyen sains beliau pada masa ini bukan sahaja mendedahkan kepadatan dan kehalusan seni bahasanya, malahan penanya yang menular ke luar bumi untuk meninjau masa depan manusia sejagat menunjukkan beliau benar-benar terlepas daripada penulisan Sastera Penuntut Seberang Laut kali ini. Li Oufan memartabatkan fiksyen sains Zhang Xiguo pada suatu

¹⁴ Persoalan tentang “manusia makan manusia” dibayangkan dalam plot karya fiksyen “Catatan Harian Orang Gila” (Kuangren Riji) yang dikarya Lu Xun.

¹⁵ Zhang Xiguo mempraktikkan konsep putaran nyawa yang merupakan kepercayaan tradisional Cina dalam kedua-dua karya fiksyen sains “Kesempurnaan dalam Terjemahan” dan “Tasik Waktu Muda”. Menurut Li Oufan, “Aku berpendapat ‘nostalgia’ dan ‘keghairahan dalam kecinaan’ memenuhi dunia imaginasi dalam penulisan Zhang Xiguo. Kejawaan dan hubungan sosial sesama manusia dalam koleksi karya fiksyen *Siri Horizon* terserlahnya unsur kecinaan yang nyata...” Jelasnya, Zhang Xiguo berhasrat memperkembang penulisan fiksyen sains berunsurkan kecinaan (1980: 6).

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan kedudukan yang tinggi. Menurut Li, fiksyen sains Zhang Xiguo bukan sahaja meninggalkan unsur-unsur realisme sebelum ini, malahan beliau kini meminjam dunia kelak untuk meninjau pembentukan bangsa dan kebudayaan Cina (1980: 7).

Kata beliau:

Saya berpendapat bahawa karya fiksyen sains yang bertaraf tinggi tersiratnya pengetahuan falsafah yang bererti dan dipenuhi dengan mitos. Tambahan pula, “*dao*” yang terdapat dalam penulisan tersebut ialah “*dao*” yang berhubungan rapat dengan manusia sejagat dan alam sejagat. Pemikiran falsafah yang ada pada kebudayaan Cina dapat diperluaskan ke atas planet-planet di luar bumi agar memberi interpretasi selanjutnya terhadap masa depan manusia sejagat (1980: 7).

Nyatalah, Zhang Xiguo kini memperluaskan kandungan “*dao*” yang didukungnya selama ini dalam bidang penulisan fiksyen sains. Dorongan inilah yang memberangsangkan beliau menghasilkan karya-karya fiksyen sains yang menarik lagi berkualiti tinggi.¹⁶

Sejak awal-awal lagi, Zhang Xiguo berhasrat menyelitkan karya fiksyen China klasik dalam koleksi karya fiksyen “Metropolis” (Fu, 2002: 38). Justeru, kita mudah mendapati “unsur kecinaan” yang nyata terbayang dalam karya-karya fiksyen lain juga terdedah dalam fiksyen-fiksyen sains Zhang Xiguo.¹⁷ Karya

¹⁶ Sebagai penyokong dalam bidang penulisan fiksyen sains di Taiwan, Zhang Xiguo pernah meluangkan slogannya yang berbunyi “fiksyen sains ialah tempat bergantung bagi penulis dan tempat persembahan untuk alam sejagat.” Menurut penjelasannya, “kesemua penulis fiksyen sains gemar berkhayal dan menentang pemikiran dirinya. Mereka mempunyai idea yang banyak kerana suka berkhayal dan pada masa yang sama, mereka menentang kerana tidak ingin dikongkong dalam penulisan tradisional. Golongan penulis ini lazimnya menggerakkan pembangunan arus sastera disebabkan mereka ialah penulis-penulis yang kreatif. Itulah dikatanya fiksyen sains ialah tempat bergantung bagi penulis fiksyen sains...fiksyen sains berfungsi sama dengan mitos disebabkan penulisan ini sering mengulangkan cerita tentang kepercayaan dalam persembahan manusia. Bagi manusia dewasa ini, fiksyen sains menyediakan satu saluran agar mereka tidak ‘gila’ dalam pemodenan...manusia yang menjauhkan diri daripada tuhan memerlukan tempat bergantungnya. Lantaran, fiksyen sains dikatakan suatu tempat persembahan untuk alam sejagat.” (1998: 302-304)

¹⁷ Selain Li Oufan, Long Yingtai juga berpendapat sama dalam hal ini. Beliau berkata, “‘*dao*’ yang ada pada Zhang Xiguo sebenarnya adalah unsur kecinaan yang terpaku padanya sejak awal-awal lagi.” (1985a: 203)

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan berjudul “Bandar dengan Tugu Tembaga” (Tongxiangcheng) sebagai pengenalan koleksi karya fiksyen “Metropolis” mula-mula menunjukkan keutuhan dan kegagahan dunia imaginasinya. Metropolis Suolun yang dibina oleh Zhang Xiguo adalah suatu kejayaan cemerlang dalam penulisan fiksyen sains Zhang Xiguo. Beliau meletakkan pembangunan dan perkembangan bandar ini pada zaman Hu Hui yang pernah mengalami kecemerlangan dan kemerosotannya dalam “ciptaan” sejarah. Lihatlah gambaran yang diberi kepada bandar Suolun di bawah pena Zhang Xiguo:

Tidak kiranya penduduk bandar Suolun atau pelawat luar, mereka sama-sama merasai suatu tekanan yang luar biasa ketika memandang ke arah tugu tembaga ini. Rasanya, setiap pandangan mereka itu bukan dituju kepada logam yang beratus-ratus ton beratnya tetapi seakan-akan suatu benda yang bernyawa. Sesetengah orang berkata, segala pandangan dalam dunia Hu Hui agaknya menuju ke arah tugu tembaga ini ketika berdepan dengannya (2000: 7).

Pada hakikatnya, kebangkitan dan kemerosotan parti-parti pemerintah dan pelbagai etnik pada zaman Hu Hui serta perang saudara yang berlaku sepanjang tahun di kalangan mereka merupakan peristiwa-peristiwa yang lumrah dalam sejarah bandar ini. Dengan kata lain, pemerintah yang tindas-menindas telah membentukkan sejarah bandar Suolun yang sentiasa berganti wajah. Sebagai tamsilan, karya fiksyen sains *Lima Piring Batu* menggambarkan penentangan penduduk Suolun terhadap bangsa Shan, *Naga Perkasa Dari Bandar* mengisahkan kebangkitan bangsa Shan dengan memperdayakan penduduk She dalam penderhanaan terhadap kekuasaan Hu Hui dan akhirnya karya fiksyen sains *Sebulu* mengakhiri kemerosotan bandar Suolun di bawah pengkhianatan bangsa She tersebut. Jelasnya, tugu tembaga dalam koleksi karya fiksyen “Metropolis”

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan seakan-akan suatu lambang yang dicipta oleh Zhang Xiguo untuk memperlihatkan penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku dalam sejarah manusia sehingga membawa pengorbanan nyawa yang tidak terhitung.

Suatu kedapatan yang seharusnya diberi kepujian dalam penulisan fiksyen sains Zhang Xiguo ialah konsep “kelengkapan sejarah” yang dipraktikkannya untuk menjalinkan masa silam dengan masa depan manusia sejagat. Baginya, sejarah manusia sejagat adalah suatu catatan yang bersinambungan. Ini adalah disebabkan terdapat sebuah jambatan yang akan menghubungkan manusia kepada masa depan mereka.¹⁸ Konsep penulisan ini jelas terbayang dalam fiksyen sains “Percintaan dalam Kemasuhan Bandar” (*Qingcheng zhi Lian*). Dalam karya ini, Zhang Xiguo telah membina sebuah “terowong masa” untuk menemukan pasangan yang berasal dari dua zaman yang berlainan. Wang Xin merupakan sejarawan yang mengkaji tamadun Hu Hui pada zaman moden manakala Mei Xin, teman wanitanya ialah seorang sejarawan yang akan dilahirkan 1000 tahun kemudiannya. Daripada pengkajian mereka terhadap tamadun Hu Hui, kedua-dua sejarawan ini mengerti bahawa perkembangan sejarah bandar ini bukan sahaja merangkumi masa silamnya sebaliknya meliputi masa depan yang telah lengkap dikemaskini oleh penduduk Hu Hui sejak 10 ribu tahun yang lalu. Sementara itu, konsep kelengkapan sejarah memperlihatkan kesimpulan Zhang Xiguo yang

¹⁸ Menurut Zhang Xiguo, “Konsep ‘kelengkapan sejarah’ ialah idea saya. Saya berpendapat bahawa sejarah bukan sahaja merangkumi ‘masa silam’ malah meliputi ‘masa depan’. Sejarah ini saya namakan ‘kelengkapan sejarah’. Dewasa ini, manusia tidak seharusnya memahami masa silam sahaja tetapi diwajib menghala ke arah masa depan untuk mengambil berat asal-usul sejarah. Dalam hal ini, suatu kelebihan dalam fiksyen sains ialah penulisan ini merangkumi masa silam, masa sekarang dan masa depan manusia sejagat. Penulis fiksyen sains merupakan pakar dalam kelengkapan sejarah kerana beliau berperanan dalam meninjau kejawaan manusia secara menyeluruh. Semangat mengarang fiksyen sains terserlah apabila penulis itu berusaha melepaskan kongkongan tradisi dalam ‘sejarah’ dan mengarah ke ‘masa depan’. Penulis fiksyen sains mengetahui bahawa antara ‘masa silam’ dengan ‘masa depan’, wujudnya suatu jurang yang sukar direntasi” (1990b: 1).

menyatakan bahawa sejarah mempunyai ketakdirannya sejak awal-awal lagi.

Katanya:

Bermula dari novel *Raja Catur*, saya mengambil berat dalam “konsep ketakdiran sejarah”. Dengan kata lain, permasalahan ini membolehkan kita memahami sejarah dan kedudukan manusia yang sebenar.

Pada hakikatnya, saya mengejar sentimen sejarah yang romantis. Bagi saya, unsur kemanusiaan dalam fiksyen sains menunjukkan kewujudan semula sentimen sejarah yang romantis. Lantaran itu, asas keprihatinan dalam penulisan fiksyen sains adalah ditujukan kepada kedudukan insan sejagat (2000: 3).

Justeru, “ketakdiran sejarah” dan “kedudukan insan” pada asasnya merupakan dua isi penting dalam “kewujudan sebuah sentimen sejarah yang romantis” seperti yang derti oleh Zhang Xiguo di atas. Beliau berpendapat bahawa sesuatu ketakdiran tidak akan wujud tiba-tiba tetapi pasti ada garis yang dilaluinya. Sehubungan itu, beliau berusaha memberikan suatu jalan penyelesaian yang bersesuaian kepada ketentuan yang diaturnya sejak awal-awal lagi. Di sini, kecekalan manusia dalam memperjuangkan nasib sendiri jelas terbukti.

Mengimbas kembali peperangan dan perebutan kuasa antara etnik-etnik di bandar Suolun yang tidak berhabis-habisan, kita ternampak pengorbanan insan yang tidak terhitung jumlahnya. Gambaran dalam karya fiksyen sains “*Naga Perkasa dari Bandar*” di bawah jelas menunjukkan kekuasaan Parti Tugu Tembaga yang berpengaruh kepada anak buahnya:

Wajah kesemua orang di sini tiada rasanya tetapi hanya terdapat sebuah pingat tembaga yang tergantung pada mereka...bandar Suolun sedang menghadapi malapetaka yang mengejutkan. Ma Zhihuang hanya pemimpin boneka saja. Yang benar-benar berkuasa itu adalah kekuasaan Tugu Tembaga yang kian menular di sebaliknya (2000: 285-286).

Bab 5 Permasalahan dalam masyarakat Taiwan

Pada masa yang sama, kempen penentangan bangsa Shan yang digambarkan dalam fiksyen sains *Lima Piring Batu* sekali lagi ternyata kebenarannya dalam konsep ketakdiran sejarah pada Zhang Xiguo. Beliau menghulurkan propaganda yang berbunyi “walaupun bunga ada musim gugur, bandar Suolun tetap akan dibangunkan semula” untuk menyemarakkan lagi semangat perjuangan mereka. Justeru, Zhang Xiguo berikhtiar mendasari keupayaan insan dalam pembentukan sejarah bangsa dan budayanya. Yang tidak diduga, pertahanan mereka kadang-kadang mengatasi keupayaan diri sendiri. Usaha Zhang Xiguo memperdalam kejiwaan insan adalah suatu langkah yang seharusnya diberi kepujian. Maka, wujudnya ketabahan watak-watak dalam karya fiksyen sains “Percintaan ketika Bandar Dimusnah” dalam menentukan cara hidup sendiri dan tidak mudah menyerah diri kepada takdir. Katanya:

Dia tidak akan kembali lagi ke zamannya. Teman wanitanya juga tidak berbuat demikian kerana harap berkongsi hidup dengannya. Antara bintang-bintang yang ada di atas langit dan masa yang tiada titik perhentian itu, mereka menghargai saat-saat ini saja. Tiada masa lampau, tiada juga masa depan. Tatapi, hanya saat ini sahaja (1980h: 142).

Karya-karya fiksyen sains Zhang Xiguo memperlihatkan ciri-ciri kemanusiaan yang menunjukkan keprihatinannya terhadap pembentukan identiti insan yang sebenar. Sebagaimana koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembala”, beliau berhasrat menentukan suatu tempat perlindungan dalam hidup pengembalaannya. Dengan kata lain, beliau begitu mengambil berat kedudukan intisari insan selama ini. Namun di bawah segala ketakdiran sejarah, beliau akhirnya menafikan konsep kelengkapan sejarahnya. Katanya:

Rungutnya A Chu, “Anak keempatku, hulubalang She akan terkorban dalam perperangan antara bangsa Shan dengan She jika berpandukan catatan sejarah. Tetapi kini beliau mati dalam perjuangan di sungai Du. Konsep kelengkapan sejarah agaknya ada kesilapannya dan kini terpaksa dipertimbangkan semula. Setiap zaman menganggap dirinya akan dapat menguasai sejarah tetapi setiap zaman itu juga tidak terhenti untuk membentukkan sejarahnya. Sejarah hanya dapat digantikan dalam ketakdiran yang akan berlaku dalam sejarah. Oleh itu, barulah kami difahamkan tiada ketentuan dalam sesuatu sejarah (2000: 507).

Kata-kata Zhang Xiguo di atas ternyata kebenarannya dengan ulasan Darko Suvin, seorang pengkaji fiksyen sains Barat yang terkenal. Menurut beliau, “Penulisan fiksyen sains membekalkan suatu saluran untuk manusia mengesan kebenaran sejarah dengan corak persembahan yang terpisah daripada realiti.” (1988: 4) Sebagai penulis fiksyen sains yang menceburkan diri dalam bidang sains, Zhang Xiguo dapat merasai kelemahan manusia di bawah kekuasaan teknologi (Fu, 2002: 38). Beliau mendapati ketidakupayaan dan kelemahan manusia di bawah pemodenan dalam kritikannya. Dalam hal ini, Zhang Xiguo bukan sahaja meninjau semula kemestian dalam sejarah, malah beliau menghala ke arah masa depan yang tidak menentu dengan mendampingi dirinya ke dasar intipati kehidupan manusia. Selain ghairah dalam mendengar kisah cerita, insan hari ini memerlukan keperluan jiwa yang mulia dan tinggi. Kesedaran yang berasaskan keperluan manusia inilah yang memberikan suatu petunjuk kepada dunia diaspora yang dibentukkan oleh Zhang Xiguo melalui penulisannya.